

**POTENSI SEDEKAH DALAM MEMBASMI KEMISKINAN: SATU KAJIAN AWALAN
DI NEGERI KELANTAN**

Nazihah Wan Azman

Universiti Kebangsaan Malaysia
nazihah_azman@yahoo.com

Mohd Adib Ismail

Universiti Kebangsaan Malaysia
mohadis@ukm.edu.my

Shahida Shahimi

Universiti Kebangsaan Malaysia
shahida@ukm.edu.my

ABSTRAK

Zakat dan wakaf merupakan pendekatan Islam dalam mengatasi isu kemiskinan. Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan dalam kedua-dua instrumen ini terutama dari segi penerima dan pengagihan dana. Justeru, sedekah dilihat sebagai medium yang paling sesuai dan efektif untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan. Maklumat berkaitan dana masjid diselidiki kerana sumber dana tersebut amat berkait rapat dengan konsep sedekah. Oleh itu, kertas ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana masjid menguruskan dana tersebut dan meneliti potensi sedekah bagi menangani kemiskinan. Kaedah kajian perpustakaan dan temubual dijalankan di masjid-masjid bandar dan mukim kategori A di seluruh negeri Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan dana masjid digunakan untuk kemaslahatan masjid itu sendiri serta tiada peruntukan mahupun tabung khas disediakan secara khusus kepada golongan ini. Dari segi peruntukannya kepada fakir dan miskin, tiada peruntukan mahupun tabung khas disediakan secara khusus kepada golongan ini. Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan orang ramai bersedia untuk memberi sumbangan kepada fakir dan miskin apabila adanya tabung khas diwujudkan pada satu-satu masa mengikut keperluan seperti pada bulan ramadhan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kefahaman tentang pelaksanaan sedekah bagi menangani isu kemiskinan dan membantu menyumbang kepada penambahbaikan taraf hidup golongan yang kurang berkemampuan.

Katakunci: *masjid; sedekah; kemiskinan.*

1. Pengenalan

Kemiskinan merupakan satu isu global yang sering dibincangkan di seluruh dunia termasuk negara maju. Kemiskinan adalah satu masalah yang tidak pernah selesai yang mana ianya wujud sejak dari awal tamadun manusia dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Malaysia juga turut tidak terkecuali dalam menghadapi masalah kemiskinan ini. Menurut laporan United Nations Human Development Programme (UNHDP) 2004, ketidakseimbangan perolehan pendapatan di Malaysia yang dicatatkan oleh pekali Gini ialah sebanyak 46.2 peratus pada tahun 2004 berbanding 44.6 peratus pada tahun 1990. Peratusan ini agak membimbangkan kerana kedudukannya berada hampir pada pertengahan yang mana boleh mencapai kadar 100 peratus (UNHDP, 2004).

Melihat kepada fenomena ini, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk membasmi kemiskinan yang mana isu ini menjadi agenda penting dalam pembangunan negara. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) merupakan antara inisiatif kerajaan untuk membantu mengatasi masalah kemiskinan ini. Dalam usaha negara mencapai pertumbuhan ekonomi tinggi dan mampan, golongan berpendapatan rendah tidak disisihkan. Pendekatan pembangunan secara inklusif dilaksanakan bagi memastikan semua rakyat berpeluang terlibat dalam ekonomi secara saksama. Penekanan diberi kepada menggalakkan penyertaan yang lebih meluas kepada kumpulan yang sangat memerlukan, terutamanya isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2010).

Aspek pembasmian kemiskinan ini juga turut diberi penekanan dalam agama Islam. Salah satu pendekatan yang digunakan ialah melalui pelaksanaan zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Zakat adalah salah satu cabang daripada ajaran Islam yang menjadi kewajipan terhadap setiap Muslim. Selain daripada bertujuan untuk penyucian harta, zakat juga merupakan salah satu wasilah membantu golongan yang memerlukan. Walaubagaimanapun, amalan zakat yang diwajibkan ini masih belum mampu memainkan peranannya dalam membendung masalah kemiskinan pada hari ini.

Kesulitan dalam mencari dan menentukan golongan asnaf merupakan isu yang sering kali diperdebatkan. Natijahnya, hal ini telah menyebabkan berlakunya lebihan zakat yang mana ia sepatutnya menjadi hak golongan yang memerlukan. Berdasarkan syarat pembahagian zakat, zakat telah dikhususkan untuk dibahagikan kepada lapan golongan asnaf. Oleh itu, ia membataskan pengagihan zakat kepada mereka yang diluar kelompok asnaf seperti individu yang berpendapatan melebihi hanya sedikit sahaja daripada had kifayah. Golongan ini tidak miskin tetapi berpotensi menjadi miskin jika tidak diberi bantuan sewajarnya.

Sehubungan itu, Islam telah menggariskan salah satu jalan penyelesaian bagi meringankan beban kemiskinan yang ditanggung oleh masyarakat miskin dan tersisih. Ianya adalah melalui amalan bersedekah. Sedekah merupakan amalan yang dilakukan secara ikhlas dan sukarela, tanpa ada paksaan apatah lagi diwajibkan. Oleh yang demikian, kelemahan dalam sistem zakat dapat dibendung melalui sedekah, yang dilihat dapat membantu meringankan masalah kemiskinan. Oleh itu, kertas ini bertujuan untuk meneroka potensi sedekah khususnya dalam membasmi kemiskinan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pengurusan dana tabung masjid.

Kajian terhadap dana masjid dijadikan skop kajian memandangkan ianya amat sinonim dengan konsep sedekah.

Implikasi daripada kajian ini dijangka memberi kesan kepada pembuat dasar sama ada diperingkat persekutuan atau negeri untuk menggubal dasar-dasar dan program-program untuk menangani kemiskinan. Kajian ini juga menyumbang kepada perkembangan ilmu dan pengetahuan penyelidik untuk kajian masa depan yang lebih menyeluruh. Selain itu, kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan literatur yang berkaitan dengan bidang ini.

Kajian ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian pertama merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian. Bahagian kedua membincangkan kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian. Manakala bahagian ketiga pula membincangkan tentang metodologi, diikuti dengan dapatan kajian, analisis dan perbincangan. Bahagian terakhir pula adalah kesimpulan dan cadangan penambahbaikan.

2. Kajian Lepas

Berdasarkan kajian lepas, telah terbukti bahawa zakat berupaya menjadi solusi kepada masalah kemiskinan. Kajian daripada Makhtar, et. al (2010) menunjukkan penubuhan institusi zakat telah mewujudkan corak pembangunan dan nafas yang baru terhadap pengurusan zakat di Selangor. Tertubuhnya Lembaga Zakat Selangor (LZS) nyata memberi impak positif dari segi pengurusan yang mana dilihat lebih profesional berdasarkan kepada apa yang telah dipraktikkan dalam dunia korporat. Kesannya, jumlah kutipan zakat telah menunjukkan peningkatan sejak tahun 1994. Pada tahun 2009, LZS memperoleh kutipan zakat paling tinggi bernilai RM283.7 billion hasil daripada kutipan zakat. Jumlah ini ternyata jumlah yang paling tinggi dicatatkan di Malaysia. Tambahan pula, LZS telah menggunakan media massa sebagai wadah dalam mendidik masyarakat dan memberi maklumat berkaitan zakat kepada masyarakat. Sidang akhbar dan program bual bicara dalam TV dan radio adalah cabang lain yang diguna pakai oleh LZS untuk memberi kesedaran tentang peri pentingnya membayar zakat.

Tidak terhad kepada kajian tersebut, hasil kajian Ibrahim, P., & Ramli, R. (2010) telah membuktikan zakat memberikan impak positif dalam mengatasi masalah kemiskinan di Negeri Sembilan. Kadar peratusan kemiskinan sebelum pengagihan zakat adalah 78.07 peratus. Walaubagaimanapun, selepas pengagihan zakat, kadar peratusan kemiskinan menurun kepada 72.61 peratus. Keluk Lorenz telah digunakan untuk mengukur jurang pengagihan pendapatan. Dapatan kajian menunjukkan keluk Lorenz mencapai garisan keseimbangan selepas menerima zakat. Pekali Gini juga menunjukkan keputusan yang positif dimana jumlah sebelum zakat ialah 0.4075 dan menurun kepada 0.3362 selepas zakat.

Selain itu, wakaf juga dilihat sebagai instrumen yang efektif dalam membangunkan ekonomi umat Islam. Berbeza dengan zakat, wakaf adalah amalan sunat yang digalakkan oleh Islam. Menurut Rahman, A. A. (2009), masalah kemiskinan dapat ditangani dengan pembinaan hospital, sekolah, universiti serta pusat latihan dan kemahiran daripada harta wakaf khusus kepada golongan miskin. Manakala Hasbulah, M. H., et. al (2015) menyatakan penubuhan Klinik

Waqaf An-Nur dan Hospital Waqaf An-Nur membantu golongan berpendapatan kurang daripada RM800 mendapatkan pelbagai rawatan dan ubatan dengan bayaran hanya RM5.00.

Kajian oleh Saifuddin, F., et. al (2014) pula membuktikan bahawa wakaf tunai berpotensi mengurangkan kemiskinan. Konsep wakaf tunai lebih sesuai bagi mereka yang tiada harta kekal untuk disumbangkan. Dengan wujudnya wakaf tunai ianya dapat membantu pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan. Hal ini kerana program-program tersebut memerlukan sejumlah dana yang besar. Kajian tersebut selari dengan kajian yang dijalankan oleh Marzuki., et. al (2012). Menggunakan kaedah sistem dinamik, aplikasi wakaf tunai ini mampu menyelesaikan isu kemiskinan sehingga 50 peratus.

Walaupun zakat berupaya mengurangkan dan membasmi kemiskinan, zakat juga mempunyai kelemahannya sendiri. Menurut kajian Ahmad, S. & Wahid, H. (2004), buat masa ini zakat hanya terhad kepada zakat pendapatan dan zakat simpanan. Zakat ternakan hanya terhad kepada beras dan penternakan lembu. Jika dilihat kepada aktiviti ekonomi semasa, terdapat banyak aktiviti-aktiviti yang berpotensi besar mendapat hasil yang lumayan, kemungkinan besar lebih lumayan daripada sumber zakat yang biasa seperti getah dan minyak kepala sawit (Ahmad, S., & Wahid, H. 2004).

Selain daripada itu, kesulitan dalam mencari dan menentukan golongan asnaf ini juga telah menyebabkan lebihan pungutan zakat. Oleh sebab itu, pungutan zakat tidak mampu di agihkan secara efektif dan efisien (Wahid, H. et al. 2009). Kenyataan ini juga telah disokong oleh Possumah, B. T. & Ismail, A. G. (2011) yang mendakwa bahawa pungutan zakat masih lagi tidak mampu memberikan kesan yang nyata dalam mengurangkan masalah kemiskinan kerana kekangan dalam mencari golongan yang sesuai dan betul-betul layak sebagai penerima zakat.

Sementara itu, Wahid, H. et al. (2010) mendebatkan bahawa cara pengagihan zakat yang tidak efektif dan di tambah dengan kekurangan maklumat berkaitan zakat telah menyebabkan timbulnya ketidakpuasan hati dalam kalangan pembayar zakat. Ini adalah berdasarkan kecenderungan institusi zakat yang membuat pengagihan zakat kepada tiga golongan asnaf sahaja selain *amil*, iaitu golongan miskin, memerlukan dan *fisabilillah*. Bagi golongan pembayar zakat, cara pengagihan zakat ini tidak komprehensif dan tidak adil kerana lima lagi golongan telah dipinggirkan dan terkebelakang. Oleh yang demikian, mereka lebih senang membayar zakat secara tidak rasmi berbanding membuat bayaran secara rasmi melalui saluran rasmi seperti institusi zakat. Secara tidak langsung, tindakan ini telah menyebabkan pembayaran zakat tidak direkodkan dan tidak tersenarai dalam jumlah pungutan zakat yang direkodkan oleh institusi zakat atau jabatan agama.

Wakaf pula sering dikaitkan dengan isu penafsiran penggunaan wakaf. Shokrani et al. (2003) dalam kajian mereka mendapati fahaman masyarakat terhadap harta wakaf adalah untuk tujuan ibadat khusus semata-mata seperti pembinaan masjid. Walhal, penggunaan harta wakaf ini sebenarnya meluas merangkumi ibadat fardhu ain dan fardhu kifayah.

Dalam kajian lain pula, Ismail et al. (2013) mendapati kebanyakan harta wakaf tidak boleh dibangunkan atau digunakan atas alasan lokasinya yang kurang strategik dan tiada nilai komersil untuk pembangunan. Tambahan pula, ada sesetengah waris yang belum mendaftarkan tanah

wakaf di pejabat agama negeri. Kesannya, kawasan wakaf tidak boleh dibangunkan kerana ketiadaan rekod.

3. Metodologi, Dapatan Kajian, Analisis dan Perbincangan

3.1 Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan juga temubual. Penyelidikan perpustakaan ini dijalankan dengan mengkaji sumber-sumber daripada artikel, buku, kertas kerja dan laman sesawang yang berkaitan dengan skop kajian. Manakala kaedah temubual pula dijalankan dengan menemubual secara bersemuka imam masjid di masjid daerah dan masjid mukim kategori A di negeri Kelantan. Dalam kajian ini, sepuluh soalan berstruktur dikemukakan bagi mengenalpasti sumber dan pengurusan dana masjid. Di Kelantan, jumlah masjid daerah adalah sebanyak 16 buah manakala masjid mukim kategori A adalah sebanyak 31 buah. Pemilihan sampel pula dilakukan secara rawak. Senarai masjid adalah seperti dalam jadual 3.1 dan 3.2.

Jadual 3.1: Senarai Masjid Daerah

Bil	Daerah	Nama Masjid
1	Kota Bharu	Masjid Muhammadi Masjid Bandar AS-Salam Masjid Bandar Sultan Mansor Masjid AL-Sultan Ismail Petra Masjid Bandar Sultan Muhammad II Masjid Diraja Long Yunus
2	Bachok	Masjid Bandar Mahmudi
3	Tumpat	Masjid Ismaili
4	Kuala Krai	Masjid Bandar TG.Muhammad Faris Petra Masjid Bandar Guchil
5	Pasir Mas	Masjid Bandar Sultan Muhammad III
6	Pasir Puteh	Masjid Bandar Ibrahimi
7	Tanah Merah	Masjid Ismail Petra
8	Machang	Masjid Sultan Yahya Petra
9	Jeli	Masjid Bandar Jeli
10	Gua Musang	Masjid TG.Muhammad Faiz Petra Gua Musang

Sumber: Laman web rasmi MAIK

Jadual 3.2 Senarai Masjid Mukim Kategori A

Bil	Daerah	Nama Masjid
1	Kota Bharu	Masjid Mukim Lundang Masjid Mukim Paya Rambai Masjid Mukim AL-Muttaqin Masjid Mukim Ketereh Masjid Mukim Kok Lanas Masjid Mukim Taman Tanjung Chat Masjid Mukim Paya Bembam Masjid Mukim Uda Murni Masjid Mukim Kedai Mulong Masjid Mukim Kamel Hasan Masjid Mukim Kedai Melor Masjid Mukim Kota Masjid Mukim Parit Lama
2	Bachok	Masjid Mukim Jelawat Masjid Mukim Repek Melawi
3	Tumpat	Masjid Mukim Wakaf Bharu Masjid Mukim Ketil
4	Kuala Krai	Masjid Mukim Pahi Masjid Mukim Sungai Peria
5	Pasir Mas	Masjid Mukim Kasar Masjid Mukim Jubli Perak Sultan Ismail Petra
6	Pasir Puteh	Masjid Mukim Padang Pak Amat Masjid Mukim Selising Bukit Jawa
7	Tanah Merah	Masjid Mukim Batang Merbau Masjid Mukim Bukit Bunga
8	Machang	Masjid Mukim Kampung Galang Masjid Mukim Ulu Sat
9	Jeli	Masjid Mukim Ayer Lanas Jeli Masjid Mukim Gunung Reng
10	Gua Musang	Masjid Mukim Razaleigh Galas Masjid Mukim Chiku 2

Sumber: Laman web rasmi MAIK

3.2 Dapatan Kajian dan Analisis

International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2015).(ISBN 978-967-0850-24-5). 1-2 December 2015, Bayview Hotel, Langkawi, MALAYSIA

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan sampel yang dipilih secara rawak. Kajian ini memfokuskan kepada tujuh daerah di Kelantan kecuali Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Pemilihan secara rawak ini dilakukan dengan tanggapan bahawa keputusan yang diperoleh daripada sampel kajian telah merangkumi keseluruhan daerah di Kelantan.

Sumber, Perbelanjaan dan Pengurusan Dana Masjid

Dana masjid di kedua-dua masjid bandar dan mukim kategori A diperolehi daripada sumbangan jemaah. Boleh dikatakan secara keseluruhannya sumber dana yang diterima oleh masjid-masjid ini adalah 100 peratus daripada masyarakat. Sumbangan ini termasuklah kutipan harian dan juga kutipan Jumaat. Jumlah kutipan dianggarkan antara RM3 ribu hingga RM4 ribu seminggu di kebanyakan masjid. Walaubagaimanapun, Masjid Muhammadi dan Masjid Sultan Mansor mencatatkan kutipan yang agak tinggi iaitu antara RM4 ribu hingga RM6 ribu seminggu. Ini adalah kerana faktor lokasi masjid tersebut yang berada di bandar. Berlainan dengan Masjid Tengku Muhammad Faris Petra, walaupun terletak di kawasan bandar, jumlah kutipan tabung hanyalah sebanyak RM1 ribu seminggu. Sumbangan khas sama ada daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK), badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain pihak adalah mengikut keperluan. Contohnya, MAIK hanya memberi peruntukan khusus sekiranya ada satu-satu program yang dijalankan di masjid di bawah kendalian MAIK.

Dana tabung masjid ini diuruskan oleh bendahari yang dilantik oleh jawatankuasa masjid. Terdapat juga bendahari khas yang dilantik oleh MAIK. Hanya Masjid Muhammadi sahaja yang mempunyai bendahari khas tersebut. Bendahari ini berperanan menguruskan aliran masuk dan keluar dana tabung masjid tersebut. Pungutan daripada tabung masjid dilakukan pada setiap minggu selepas solat Jumaat dan kemudiannya disimpan di dalam tabung simpanan sementara. Dana ini seterusnya akan disimpan di bank pada hari Ahad. Pada setiap bulan, mesyuarat akan diadakan di antara bendahari dan jawatankuasa masjid. Bendahari akan melaporkan jumlah terkumpul dana dan membentangkan aliran keluar dana tersebut.

Dana masjid diagihkan mengikut keutamaan dan diuruskan oleh bendahari dan juga imam ataupun jawatankuasa masjid yang lain seperti siak. Bayaran utiliti dan sebarang bayaran yang berkaitan masjid diuruskan oleh bendahari. Manakala jawatankuasa masjid yang lain seperti imam pula akan menguruskan hal-hal kecemasan seperti untuk individu yang mempunyai keperluan terdesak contohnya untuk perbelanjaan perubatan. Tujuan agihan dana ini diasingkan kepada individu yang berlainan adalah untuk memudahkan urusan. Ini kerana sebarang urusan pengeluaran tunai di luar perbelanjaan masjid adalah tertakluk kepada persetujuan dan kebenaran imam.

Di setiap masjid terdapat tabung yang diletakkan sama ada di dalam mahupun di luar masjid. Secara purata, kesemua masjid mempunyai sekurang-kurangnya satu jenis tabung dikenali sebagai tabung masjid. Sesetengah masjid juga menamakan tabung tersebut sebagai tabung imarah masjid. Kedua-duanya mempunyai fungsi yang sama iaitu digunakan oleh masjid untuk perbelanjaan ataupun pengimarah dan penambahbaikan masjid. Kesemua masjid kajian menggunakan dana daripada tabung ini untuk menjelaskan bil-bil utiliti, penyelenggaraan masjid, bayaran penceramah dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, Masjid Sultan Mansor mempunyai dua jenis tabung iaitu tabung yang dikhususkan untuk bayaran utiliti dan juga tabung untuk pembangunan masjid. Manakala Masjid Mukim Ulu Sat pula mempunyai tabung harian dan tabung air. Perbezaan jenis tabung ini adalah berdasarkan kepada keperluan satu-satu masjid itu sendiri. Tabung pembangunan masjid diwujudkan khusus apabila sesebuah masjid merancang untuk membina bangunan tambahan. Secara keseluruhannya, 80 peratus daripada jumlah tabung masjid digunakan untuk kemaslahatan masjid itu manakala 20 peratus digunakan untuk hal-hal lain seperti bantuan kepada mereka yang memerlukan. Lebih daripada peruntukan perbelanjaan tersebut akan disimpan di bank dan akan digunakan sekiranya memerlukan dana tambahan pada bulan seterusnya.

Peruntukan Dana Masjid Kepada Fakir dan Miskin

Berdasarkan temubual yang dijalankan, kesemua masjid yang terlibat tidak mempunyai tabung khusus yang bersifat kekal untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan. Namun begitu, bantuan kepada golongan ini tetap disalurkan tetapi menggunakan tabung yang sama. Contohnya, bagi Masjid Paya Bemban, anak mukim yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi akan diberi bantuan sebanyak RM150.

Dapatan kajian juga menunjukkan bantuan kepada mereka yang memerlukan ini hanya dilakukan pada masa-masa tertentu sahaja dan bersifat sementara. Kebiasaannya tabung khusus hanya wujud sepanjang bulan ramadhan dan pada hari-hari tertentu. Pada hari tertentu ini merujuk kepada situasi di mana sekiranya ada jemaah yang memerlukan bantuan untuk kos rawatan contohnya, maka imam akan war-warkan kepada jemaah yang lain dan kutipan dilakukan pada masa itu juga. Bagi Masjid Mukim Selising, jawatankuasa masjid buat masa ini sedang dalam usaha untuk menubuhkan tabung khusus untuk golongan fakir dan miskin. Penubuhan ini bersifat berkala dan bantuan yang diberi adalah secara bulanan. Mereka berhasrat dengan bantuan seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang memerlukan di sekitar mukim tersebut.

Melihat kepada hasil kutipan tabung masjid yang memberangsangkan menunjukkan adanya potensi sedekah untuk memainkan peranan menangani kemiskinan. Berdasarkan kepada senario ini, penulis berpendapat perlunya kepelbagaian dalam penggunaan dana masjid supaya masyarakat setempat turut mendapat manfaatnya. Salah satunya membentuk satu tabung khusus untuk fakir miskin ataupun memperuntukkan sebahagian daripada dana masjid kepada mereka. Dapatan ini menyokong dapatan yang dijalankan oleh Borhan, et. al (2011) yang mencadangkan beberapa idea bagi mempelbagaikan kegunaan dana. Antaranya membentuk koperasi masjid dan membuka kedai-kedai runcit, kiosk dan kedai makan.

4. Rumusan Kajian, Limitasi dan Cadangan

Kesimpulannya, instrumen sedekah mampu dan berpotensi untuk dilaksanakan sebagai medium pembasmian kemiskinan. Sikap dermawan, keprihatinan dan kesedaran masyarakat terhadap konsep sedekah mampu membantu ke arah pelaksanaan instrumen ini. Terdapat usaha dilakukan oleh masyarakat untuk membantu fakir dan miskin seperti memberi bantuan pada musim tertentu dan cuba mewujudkan tabung khusus untuk mereka. Ini boleh dilihat dengan inisiatif sesetengah

masjid untuk mewujudkan tabung khas fakir, miskin dan memerlukan secara tetap sebagaimana tabung masjid sedia ada. Di samping itu, hasil kutipan tabung masjid yang mencapai sehingga RM6 ribu seminggu menunjukkan adanya potensi untuk sedekah ini diaplikasikan. Kemiskinan sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, namun dengan adanya instrumen alternatif seperti sedekah ini dapat menampung kekurangan dan kelemahan zakat dan wakaf. Kajian ini hanya tertumpu kepada negeri Kelantan sahaja. Manakala dapatan kajian hanya diperoleh melalui penyelidikan dan temubual. Untuk kajian akan datang, adalah dicadangkan supaya skop kajian diperluaskan ke seluruh Malaysia dengan menggunakan kaedah kajian yang lain seperti soal selidik mahupun pemerhatian.

Rujukan

Borhan, J. T., Hussin, M. Y. M., Muhammad, F., & Abu@Hussin, M. F. (2011). Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. *Al-Basirah*, 1(1), 53-63

Hasbulah, M. H., Daud, M. Z., & Mohamad, M. T. (2015). *Peranan Wakaf Dalam Mengukuhkan Ekonomi Islam Di Malaysia*. Paper presented at the eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis).

Ahmad, S., & Wahid, H. (2004). *Persepsi Dan Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf*. Paper presented at the Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru, ESSET, Kajang Selangor.

Hassan, M. K. (2010). *An Integrated Poverty Alleviation Model Combining Zakat, Awqaf and Microfinance* Paper presented at the Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi.

Ibrahim, P., & Ramli, R. (2010). Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakeimbangan Agihan Pendapatan Di Negeri Sembilan. *Prosiding PERKEM V*, Jilid 2, 104-113.

Ismail, M. Z., Ahmad, K., Ariffin, M. F. M., & Rosele, M. I. (2013). *Pemeriksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan*. Paper presented at the 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013), "Sustainable Development Through The Islamic Economics System", Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Makhtar, A. S., & Wahab, A. A. (2010). *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran*. Paper presented at the Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, 14 Julai 2010, Bilik Senat, Bangunan Canselori, UKM.

Marzuki, M. U. M., Shahimi, S., Ismail, A. G., & Embong, Z. (2012). *Tackling Poverty: A Look At Cash Waqf*. Paper presented at the Prosiding Perkem VII.

- Possumah, B. T., & Ismail, A. G. (2011). *The Quran and Poverty Alleviation: A Theoretical Model For Zakat-Based Islamic Microfinance Institutions*. Paper presented at the 8th International Conference on Tawhidi Methodology Applied To Microenterprise Development, Islamic Economics and Finance (IEF) Trisakti University.
- Rahman, A. A. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(1), 113-152.
- Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/RMKE10>. Diakses pada 10 Mei 2015
- Saifuddin, F., Kayadibi, S., Polat, R., Fidan, Y., & Kayadibi, O. (2014). *The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation: Case of Malaysia*. Paper presented at the Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference 4 (KLIBEL 4), 31 May - 1 June 2014, Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business A Skill-Building Approach*: John Wiley & Sons Ltd.
- Shakrani, M. S., Noor, M. S. Z., & Ali, J. (2003). Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 73-98
- Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2010). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 141-170.